

20/10/2001

Bon Simpanan Malaysia siri ketiga akan dikeluarkan

BANK Negara akan menerbitkan Bon Simpanan Malaysia siri ketiga yang dikhaskan kepada rakyat berumur lebih 55 tahun dan organisasi kebajikan yang berdaftar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata RM1 bilion akan ditawarkan dengan kadar pulangan lima peratus. Separuh daripada jumlah ini akan diterbitkan berlandaskan prinsip Islam.

Beliau berkata, langkah itu diambil kerana kerajaan sedar penurunan kadar faedah oleh institusi perbankan dan kewangan akan menjejaskan pendapatan golongan yang bergantung kepada hasil simpanan, terutama pesara.

"Bon itu bagi menyediakan sumber pendapatan alternatif kepada mereka," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memperuntukkan RM943 juta bagi menampung pelbagai projek perumahan kos rendah.

Peruntukan itu, termasuk RM143 juta untuk meneruskan 124 projek Perumahan Awam Kos Rendah yang diberi secara pinjaman kepada kerajaan negeri, RM793 juta untuk pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Bersepadu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan di bandar lain untuk disewakan kepada rakyat berpendapatan rendah.

(END)